




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **96 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,953 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan hari ini iaitu di daerah Lahad Datu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 102 menjadikan jumlah kumulatif 57,770 orang. Seramai 594 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 235 orang di hospital dan 359 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 34 orang dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Ranau bertukar dari zon kuning ke zon hijau manakala daerah Semporna berubah dari zon kuning ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning 10 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

- 5      **Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.**
- Kluster Kompleks Empat;** melibatkan lapan daerah iaitu Kota Kinabalu, Papar, Tuaran, Penampang, Putatan, Ranau, Kota Belud dan Sandakan dan Johor. Kes indeks merupakan pegawai penguatkuasa, lelaki, 32, di Aras 4, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah yang disahkan positif COVID-19 hasil saringan rentas negeri (dari Kota Kinabalu ke Wilayah Persekutuan Labuan) di klinik swasta pada 05 Mei 2021. Susulan kes itu, saringan kontak rakan sekerja mendapati 14 kes positif di Kota Kinabalu dan tiga (3) kes di Tuaran, sementara Kota Belud, Sandakan dan Papar masing-masing dua (2) kes. Turut mencatat satu (1) kes positif COVID-19 masing-masing di Putatan, Ranau dan Penampang sekaligus menjadikan jumlah kumulatif bagi kluster ini sebanyak 27 kes. Setakat hari ini, pasukan kawalan giat menjalankan aktiviti pengesanan kontak.
- 6      Daripada 96 kes positif COVID-19, sebanyak 26 kes (27.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 10 kes (10.4%) saringan bergejala, 56 kes (58.3%) dari kluster baharu dan sedia ada serta empat (4) kes (4.2%) dari lain-lain kategori.
- 7      Jumlah kapasiti katil 3,999 unit
- Hospital 569 unit
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 14.85%.

## B      **HIDE (HOTSPOT IDENTIFICATION FOR DYNAMIC ENGAGEMENT)**

- 1      HIDE merupakan analisis Data Raya dan kecerdasan buatan (AI) yang membuat ramalan ke atas sesbuah premis yang berpotensi menjadi titik panas penularan COVID-19 dalam jangka masa tujuh (7) hari.

- 2 Analisis yang dibuat adalah menggunakan data daftar masuk MySejahtera serta pangkalan data kesihatan sedia ada.
- 3 Sistem HIDE akan menyenaraikan premis berisiko. Senarai ini akan diterbitkan oleh Kementerian Kesihatan bagi tujuan kawalan kendiri oleh masyarakat umum dan premis perniagaan.
- 4 Premis tidak perlu ditutup kecuali jika diarahkan oleh pihak berkuasa.
- 5 Bagaimanapun, pemilik premis adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah awalan seperti berikut:
  - Meningkatkan tahap kewaspadaan (memeriksa status risiko daftar masuk MySejahtera dan menghalang individu-individu ‘berisiko tinggi’ daripada memasuki premis);
  - Melaksanakan ujian saringan COVID-19 ke atas pekerja sama ada melalui ujian RTK-Ag atau RT-PCR
  - Memperketat kawalan pergerakan orang ramai terutama di kawasan sempit atau yang sering dikunjungi ramai.
- 6 Semakin pantas tindakan wajar diambil, semakin tinggi keupayaan menghalang sesuatu kluster daripada terbentuk.

## C PELANJUTAN PKPD DI FELDA UMAS, KALABAカン

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketat (PKPD) di Felda Umas, Kalabakan yang dijadualkan tamat pada 11 Mei 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 1,200 ujian saringan dan daripada jumlah itu secara kumulatif sebanyak 122 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM melaporkan masih berlaku penularan berterusan jangkitan di kawasan PKPD serta terdapat baki sampel saringan yang belum mendapat keputusan.

4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melanjutkan PKPD di Felda Umas,Kalabakan bermula 12 Mei sehingga 25 Mei 2021 selaras dengan kuperusan Kerajaan Persekutuan.**

**D PENAMATAN PKPD PPR BATU 2 LRG HABIB ABDUL RAHMAN DAN PPR BT 8 JALAN APAS, TAWAU**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Batu 2 Lorong Habib Abdul Rahman dan PPR Batu 8 Jalan Apas, Tawau yang dijadualkan tamat pada 11 Mei 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 243 ujian saringan di PPR Batu 2 Lrg Habib Abdul Rahman dan daripada jumlah itu, sebanyak 26 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 Manakala sebanyak 30 kes positif telah direkodkan di PPR Batu 8 Jalan Apas hasil saringan ke atas 509 orang di lokaliti ini.
- 4 KKM melaporkan terdapat penurunan kes dan kluster adalah terkawal serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.
- 5 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di PPR Batu 2 Lrg Habib Abdul Rahman dan PPR Batu 8 Jalan Apas, Tawau pada 11 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

**E PENAMATAN PKPD KOMPLEKS ABEDON (BUMIWEALTH, KOLOPIS & TANAKI),  
KINABATANGAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kompleks Abedon (Bumiwealth, Kolopis & Tanaki), Kinabatangan yang dijadualkan tamat pada 11 Mei 2021.
- 2 Sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan 277 ujian saringan dan daripada jumlah itu, sebanyak 37 kes positif COVID-19 telah direkodkan.
- 3 KKM melaporkan terdapat penurunan kes, kluster adalah terkawal serta semua kes positif telah dirawat dan dimasukkan ke pusat kuarantin.
- 4 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kompleks Abedon (Bumiwealth, Kolopis & Tanaki), Kinabatangan, Sabah pada 11 Mei 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.

**F STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **24** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,261** orang.
- 2 Bagi Dos 2 vaksin, tiada orang yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,065** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **786** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **28,399** orang.

- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **1,140** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **481,761** (mysejahtera 424,002 : laman web 57,516 : talian vaksinasi 243) bersamaan 16.4%.

## **G BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **320,336** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

## **H LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 34 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 18,071 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 15 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 71 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 21 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Tiga (3) orang : Tidak memakai pelitup muka
  - Tujuh (7) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan
  - 10 orang : Tiada penjarakan sosial
  - Satu (1) orang : Premis beroperasi lebih masa/tanpa kebenaran
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 106 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 32 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 204 lokasi melibatkan seramai 234 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 61 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan empat (4) buah daerah iaitu Kinabatangan, Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu.
- 7 Sejumlah 17 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 215 hebahan di seluruh Sabah.

## I KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kudat	98%
2	Beluran	98%
3	Tenom	98%
4	Kota Marudu	98%
5	Beaufort	98%
6	Sipitang	98%
7	Semporna	97.5%
8	Papar	97.5%
9	Penampang	97%
10	Kota Belud	97%
11	Tuaran	97%
12	Ranau	97%
13	Lahad Datu	97%
14	Kunak	97%
15	Keningau	97%
16	Kinabatangan	97%
17	Kota Kinabalu	96%
18	Tawau	96%
19	Sandakan	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
10 MEI 2021